

# Alam Wanita

## **Kaum Ibu Melayu dengan Pertubuhan-pertubuhannya**

Pertubuhan-pertubuhan dan kesatuan-kesatuan kaum ibu Melayu bukan sedikit yang sudah terdiri. Kesedaran bangsa kita khasnya ibu-ibu kita akan pentingnya pertubuhan-pertubuhan itu adalah membanggakan. Apatah lagi bukan satu bukan dua malahan banyak perkara yang harus menjadi perjuangan kaum ibu sekarang ini.

(Oleh: Ros Hanum)

## **Pancaroba di dalam Masyarakat Kita**

Sebagaimana sekarang ternyata banyak pancaroba dalam lapangan hidup kita. Satu daripadanya yang harus menjadi perhatian kita bersama ialah tentang keruntuhan akhlak pemuda-pemudi kita.

Keruntuhan akhlak yang sedang berjadi-jadi itu adalah pada mulanya dari tiupan angin Barat jua. Sama ada dibawa oleh orang-orang kita yang telah lama hidup di sana kerana menuntut pelajaran, misalnya, mereka kembali membawa peradapan Barat dengan tidak memikirkan buruk atau baik pengaruhnya itu kepada anak bangsanya, ataupun yang ditiupkan oleh orang-orang Barat sendiri melalui dakyah-dakyah dan filem-filemnya yang ditayangkan berleluasa di tanah air kita ini. Demikian juga dengan melalui buku-buku bacaan atau majalah-majalah serta akhbar-akhbar mereka biarpun akhbar-akhbar dan majalah-majalahnya itu diterbitkan di Singapura misalnya.

Seterusnya kita tidak pula memejamkan mata

daripada menyalahkan sebahagian bangsa kita itu sendiri. Kerana terburu-burunya mereka dan kerana mudah benar terikut-ikut dengan tidak memikirkan lebih jauh akibatnya, atau tidak memikirkan langsung akan kebudayaan bangsanya yang harus dipelihara kerana di dalam kebudayaan itulah letaknya nilai bangsa. Di manakah letak nilai bangsa Melayu kalau kebudayaannya sendiri tidak ditegakkan? Ini ialah satu ukuran kelemahan jiwa anak-anak Melayu yang didikannya telah terpesong dari kesucian Timur.

## **Tugas Kaum Ibu**

Sebagaimana dikatakan tadi bukan satu bukan dua malahan bukan sedikit yang mesti diperjuangkan oleh kaum ibu Melayu hari ini. Satu daripadanya yang kita pandang berat sekarang ialah mengenai akhlak. Keruntuhan akhlak adalah bererti keruntuhan kebudayaan bangsa. Kecemarannya adalah menyinggung kesucian agama

kita. Saya tidak fikir kesatuan-kesatuan dan pertubuhan-pertubuhan kaum ibu Melayu seluruhnya itu tidak dapat mengambil satu tindakan bagi mengatasi atau satu langkah untuk memperbaiki apa yang disebut itu. Saya tidak fikir ibu-ibu sekalian akan berdiam diri atau memejamkan mata memandang kepincangan-kepincangan itu yang sedang dilalui oleh anak-anak muda kita dan seterusnya kanak-kanak kita sekarang. Dan saya tidak fikir ibu-ibu Melayu seluruhnya tidak mempunyai tenaga – sedang di Singapura ada kaum ibu yang berani memperjuangkan supaya poligami di sisi kita orang-orang Islam ini dihapuskan. Masyarakat kita tidak akan tenteram seluruhnya kalau akhlak yang sihat tidak dibina terlebih dahulu sebelum membangunkan bangsa yang sihat dan negara yang berdaulat seperti Tanah Melayu ini yang sudah merdeka.

#### **Kerohanian Kita**

Tidak ragu-ragu saya mengatakan ada ibu-ibu hari ini tidak memandang berat kepada kerohanian anak-anaknya. mereka cuma mementingkan apa yang dipandang pada zahir. Pada hal rohani itulah yang terutama di jurusan didikan. Ada ibu-ibu yang lebih memandang berat kepada mata benda atau kebendaan sebagai ukuran kemajuannya dan kemajuan anaknya atau ukuran hidupnya. Misalnya anak mudanya atau anak gadisnya pandai berdandan dengan menggunakan alat-alat pesolek yang dibeli mahal-mahal dan pandai mengena dan menggayakan pakaian yang berbagai-bagai fesyen itu tentunya didahului dengan wang yang banyak pula. Mahal harganya atau cantik rupanya – ini kerap menjadi lambang kemegahan setengah daripada setengah ibu-ibu yang celik konon mata hatinya di dalam dunia kemajuan ini. Demikian juga anak-anak terunanya kalau pandai berlagak secara Barat beraksi gagah – pada hal setengahnya dadanya kosong semata-mata. Atau pun pintar berkata-kata yang kadangkala hanya aksi membelit.

#### **Asuhan Jiwa dan Semangat**

Berhubung dengan itu semuanya apa yang mustahak sekarang ialah asuhan semangat. Ibu-ibu kita hari ini harus mempelajari segala apa yang bersangkutan dengan didikan yang sesungguhnya luas itu. Sekarang mengikut peredaran zaman, semangat-semangat baharu dan cara-cara didikan baharu haruslah dipelajari terlebih dahulu. Untuk mencapai tujuan ini pertubuhan-pertubuhan dan kesatuan-kesatuan perempuan di samping memperjuangkan cita-citanya yang tertentu maka suatu perkara yang lebih baik jika selalu mengadakan kursus-kursus yang berkenaan kerohanian atau pendidikan diberikan kepada perempuan-perempuan untuk anak seluruhnya. Kita tidak menidakkan adanya perempuan-perempuan kita yang berpengalaman dan bijak di dalam ilmu pendidikan. Demikian juga tentang ilmu jiwa sungguh perlu di dalam bidang pendidikan anak-anak itu yang sebagai suatu senjata bagi pihak yang mendidik. Dalam asuhan ini perlukanlah dasar-dasar agama kita, kebudayaan kita dan seterusnya semangat kasihkan agama, bangsa dan tanah air. Di samping itu jangan lupa bagaimana menanamkan semangat suka berdiri di atas kaki sendiri dengan bertenaga sendiri dan sangat-sangat memerlukan pelajaran tinggi masing-masing di dalam apa perkara pun di jurusan hidup ini.

#### **Menjiwai Pergerakan-pergerakan**

Selalunya perkumpulan perempuan-perempuan kita hanya berjaya mengadakan Ratu Kebaya, Ratu Cantik dan pertandingan fesyen itu dan ini, kita harapkan mereka akan mengubah pergerakan-pergerakan itu ke arah pergerakan atau perjuangan yang sihat dan mendukung suatu cita-cita yang murni dan tinggi di sisi bangsa dan agama kita.